

# Jangan politikkan pertemuan PM, Pope Paul — DAP

UM 28 MAY 2002

KUALA LUMPUR 27 Mei — DAP mahu semua pihak tidak mempolitikkan pertemuan antara Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan pemimpin tertinggi Katolik, Pope John Paul II di Vatican City, bulan depan.

Naib Pengerusi DAP Kebangsaan, Dr. Tan Seng Giaw menganggap persetujuan Perdana Menteri untuk menerima undangan Pope itu adalah detik penting bagi mencari persefahaman antara agama.

Tegasnya, pertemuan itu juga mampu digunakan sebaik-baiknya oleh Dr. Mahathir untuk menyampaikan pandangan Malaysia mengenai isu keganasan yang heboh diperkatakan oleh dunia ketika ini.

Menurut Seng Giaw, Pope yang mewakili antara 1.5 hingga 2 bilion orang penganut Roman Katolik seluruh dunia juga boleh mengutarakan pandangan agamanya terhadap isu tersebut.

“Kita tidak mahu cerita panjang seperti isu Palestin yang berlaku sejak 60 tahun lalu berterusan. Kalau nak dikira isu ini sudah bermula 2,000 tahun lalu tetapi sehingga kini tiada kesudahan.

“Oleh itu, saya harap pertemuan ini jangan dipolitikkan. Semua agama mesti ada fahamannya sendiri dan kalau kita tak bertemu, tentu kita tak faham antara satu sama lain,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau mengulas persetujuan Dr. Mahathir menerima jemputan Pope semasa lawatan kerja beliau ke Switzerland dan Luxembourg dari 9 hingga 12 Jun ini.

Menurut Perdana Menteri, keputusan itu akan disampaikan kepada jemaah menteri dalam mesyuarat Kabinet, Rabu ini.

Seng Giaw berkata, meskipun Perdana Menteri adalah orang Islam, kesediaan beliau bertemu dengan Pope yang menerajui Roman Katholik amat dialu-alukan.

Beliau mengangap Malaysia yang mengamalkan konsep Islam sederhana boleh menyampaikan pandangan Islam mengenai isu keganasan.

“Kita mesti galakkan hubungan antara agama kerana jika tidak ia akan menimbulkan masalah,” katanya.